

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

SOALAN :

YB. Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bagaimanakah perjalanan kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 selepas insiden MH370 dan MH17 berlaku dari segi penerimaan pelancong luar ke dalam negara.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, prestasi ketibaan pelancong asing ke Malaysia bagi tempoh setengah tahun pertama 2014 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 10.5% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013. Tragedi MH370 hanya memberi kesan ketara ke atas pasaran China dan Taiwan yang mengalami penurunan dari segi ketibaan pelancong iaitu 9.8% dan 4.7% bagi tempoh tersebut manakala Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia sedang memantau kesan MH17 ke atas ketibaan pelancong asing.

Bagi memastikan kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 terus berjalan lancar dan mencapai sasaran ketibaan pelancong asing seramai 28 juta orang, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia sedang mengambil langkah-langkah berikut :

- (i) **Usaha promosi dialih fokus kepada pasaran – pasaran serantau** seperti Singapura, Indonesia, Filipina dan Brunei di rantau ASEAN; India di rantau Asia Selatan; Negara-negara di Asia Barat dan Australia. Tumpuan juga diberikan kepada pasaran Eropah dan Amerika bagi pasaran jarak jauh.
- (ii) **Pelaksanaan Misi Jualan** ke pasaran-pasaran pelancong utama dan pasaran baru bagi meningkatkan visibiliti dan kesedaran mengenai

Malaysia serta keyakinan pengusaha-pengusaha pelancongan yang menjual Malaysia di pasaran-pasaran tersebut.

- (iii) Penyertaan berterusan Tourism Malaysia di **Pameran & Ekspo Pelancongan Antarabangsa Utama** bersama-sama dengan penggiat industri pelancongan Malaysia serta syarikat penerbangan seperti International Tourism Boursa' (ITB) di Berlin, Arabian Travel Market (ATM) di Dubai, World Travel Mart (WTM) di London, Japan Association of Travel Agents Tourism Forum & Travel Showcase (JATA) di Jepun, Korea World Travel Fair (KOFTA) di Seoul dan China International Travel Mart (CITM) di China.
- (iv) **Promosi konsumer dan penjualan pakej pelancongan** bersama pihak pengusaha pelancongan dan hotel melalui Promosi Makanan dan Kebudayaan di hotel dan pusat membeli belah utama di luar Negara.
- (v) Menyertai **Pameran & Ekspo produk-produk 'niche'** seperti Eco-Pelancongan, *Parks and Garden*, *Spa and Wellness*, Program Inap Desa, Program Rumah Malaysia Kedua Ku
- (vi) Menggalakan **kolaborasi dan usahasama dengan pengusaha-pengusaha pelancongan, syarikat penerbangan** dan lain-lain dalam aktiviti yang menjurus kepada usaha meningkatkan tahap kesedaran dan penjualan pakej-pakej percutian ke Malaysia secara terus ke konsumen.

- (vii) Meningkatkan jaringan kerjasama dengan wakil-wakil dari media cetak dan elektronik di bawah **program Mega Fam** dengan membawa penulis, wartawan, krew perfileman dan ‘social influencer’ seperti ‘bloggers’ untuk menyaksikan sendiri keunikan acara-acara pelancongan dan produk-produk pelancongan terkini.
- (viii) **Bekerjasama dengan pejabat-pejabat pelancongan negara lain** seperti Singapura, Thailand dan Indonesia bagi menjual pakej-pakej percutian gabungan dua destinasi (*dual destination*) atau destinasi pelbagai (*multi destination*).
- (ix) **Penerbitan kolateral-kolateral khas** seperti brosur-brosur Tahun Melawat Malaysia 2014, poster, standees dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 93

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

SOALAN :

YB. Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah syarat atau panduan yang ditetapkan oleh UNESCO dalam mengiktiraf sesebuah kawasan sebagai kawasan warisan.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sesuatu tapak perlu diwartakan di bawah Seksyen 67, Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) bagi memelihara dan melindungi tapak tersebut sebelum diangkat sebagai Tapak Warisan Dunia. Syarat utama sebelum pengiktifaran UNESCO adalah dengan mewartakan atau mengiktirafkan tapak, (monumen, bangunan), objek dan warisan bawah air sebagai Warisan Kebangsaan. Pengiktirafan Warisan Kebangsaan ini dilakukan melalui Majlis Pengisytiharan Warisan Kebangsaan yang diadakan setiap dua tahun oleh YB Menteri Pelancongan dan Kebudayaan.

Di peringkat UNESCO, penentuan pencalonan tapak bagi pengiktirafan Tapak Warisan Dunia UNESCO perlu mempunyai Nilai-nilai Keunggulan Sejagat atau *Outstanding Universal Value* (OUV) selain daripada integriti dan keaslian serta peruntukan perundangan '*legal protection*'. Sesuatu tapak diiktiraf mempunyai OUV sekiranya memenuhi salah satu atau lebih dari 10 kriteria sepertimana terkandung di para 77 UNESCO *Operational Guidelines for the Implementation of the World Heritage Convention*.

Sekian, terima kasih.